

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATUK MOHAMAD BIN ALAMIN (KIMANIS)

SOALAN

DATUK MOHAMAD BIN ALAMIN [KIMANIS] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan yang sedang dan akan diambil bagi meningkatkan tahap keselamatan di Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM).

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pihak Keselamatan *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM) sedang dan telah membuat perancangan strategik bagi meningkatkan tahap keselamatan di kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSZONE). Diantara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil adalah seperti berikut:-

- i. Memperkukuhkan serta memohon pertambahan aset-aset laut;
- ii. Menjalinkan kerjasama rapat dengan agensi Keselamatan Filipina dan Indonesia dalam menangani elemen *Kidnap For Ransom Group* (KFRG) dan jenayah rentas sempadan yang lain seperti PATI, Penyeludupan barangan, migran dan lain-lain;
- iii. Mewujudkan dan melaksanakan 'Sea Check Point' (SCP) yang melibatkan Daerah Kudat, Sandakan, Lahad Datu dan Tawau

mengikuti '*Designated Route*' yang ditetapkan untuk pemeriksaan terhadap kapal dan bot yang masuk ke perairan negara khususnya Sabah bagi menjalankan aktiviti-aktiviti *Transshipment* dan *Normal Trade*. Ini bagi membendung aktiviti penyeludupan barang kawalan dan jenayah yang lain;

- iv. Menambahbaikan serta mewujudkan 'Road Check Point' (RCP) di kawasan strategik dan laluan utama seperti RCP Sapi Nangoh dan RCP Kalabakan dalam membendung aktiviti penyeludupan PATI, barang kawalan dan sebagainya; dan
- v. Melaksanakan Op Benteng secara menyeluruh bersama Operasi yang lain seperti Ops Cegah Pati (OCP) Timur yang melibatkan perairan Kunak dan Semporna, OCP Utara di perairan Tawau dan OCP Selatan di perairan Sandakan. Ketiga-tiga OCP ini berperanan memperkukuhkan Op Benteng serta membendung kemasukan PATI warganegara Indonesia dan Filipina sekaligus mengawal penularan pandemik Covid 19.